

# Kontroversi Manfaat dalam Perisian Aplikasi E-Wallet

## [Interest's Controversy in E-Wallet Application]

**BITARA**

Volume 5, Issue 2, 2022: 51-65

© The Author(s) 2022

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 1 Mei 2022

Accepted: 29 Mei 2022

Published: 30 Jun 2022

Amir Abrar Abd Latif & Shofian Ahmad<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: shofian@ukm.edu.my

\* Corresponding Author: shofian@ukm.edu.my

### Abstrak

Perisian aplikasi merupakan salah satu cabang perisian yang menggunakan keupayaan sistem pengendalian sesebuah peranti seperti Microsoft Windows, MacOS, Andoird, IOS dan macam-macam lagi, bagi melaksanakan tugas yang diingini penggunanya. E-wallet secara umumnya merupakan teknologi terkini yang menawarkan perkhidmatan penyimpanan wang elektronik pengguna. Sistem e-wallet muncul dengan pelbagai inovasi dalam fokus mengubah sistem simpanan dunia, dan ia terjadi diakibatkan revolusi industri 4.0 dan telah melonjakkan kemajuan teknologi kewangan ke tahap sekarang. Isu pemberian manfaat yang diberikan oleh penerbit aplikasi kepada pendeposit e-wallet telah menjadi satu kontroversi hukum, ia disebabkan terdapat di antara pemberian manfaat tersebut ditawarkan dalam situasi pendeposit e-wallet mendepositkan dana ke dalam akaun. Rentetan daripada itu, kajian ini memfokuskan kepada perisian aplikasi e-wallet dari aspek kontrak yang diguna pakai di antara penerbit dengan pendeposit e-wallet dalam operasi mendepositkan dana dan juga kajian ini turut menganalisis status hukum manfaat yang ditawarkan oleh penerbit kepada pendeposit e-wallet dengan mendalam. Kajian yang dijalankan ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan juga analisis pemerhatian turut serta terhadap perisian aplikasi Touch 'n Go eWallet dan juga Shopee dalam aspek manfaat yang diberikan selepas mendepositkan dana. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa deposit dalam aplikasi e-wallet adalah suatu bentuk hutang dan manfaat yang diberikan kepada pendeposit e-wallet adalah riba yang diharamkan dalam Islam.

**Kata kunci:** e-wallet, deposit, manfaat, qard, riba.

### Abstract

Application software is one of the branches of software that uses the capabilities of the operating system for a device, such as Microsoft Windows, MacOS, Android, IOS, and many more, to perform the task that its users want. E-wallets generally represent the latest technology that offers consumers an electronic money storage service. The e-wallet system emerged from a variety of innovations in the focus of changing the world's saving system, and it has been caused by the industrial revolution 4.0 and has escalated the advancement of financial technology to the present. The issue of benefits provided by application's publishers to e-wallet depositors has become a legal controversy, as some of these benefits were offered in the situation where the e-wallet depositors depositing funds into the account. Hence, this study focuses on e-wallet application software in terms of contracts used between publishers and e-wallet depositors in operations of depositing funds and this study also analyzes the legal status of benefits offered by publishers to e-wallet depositors profoundly. This study is qualitative in nature using the method of document analysis and participant observation analysis of the application software Touch 'n Go eWallet and Shopee in terms of benefits given after depositing funds. The result of this study can be concluded that deposits in e-wallet applications are the form of debts and benefits given to e-wallet depositors were banned in Islam.

**Keywords:** e-wallet, deposit, interest, loan, riba

**Cite This Article:**

Amir Abrar Abd Latif & Shofian Ahmad. 2022. Kontroversi manfaat dalam perisian aplikasi e-wallet [Interest's controversy in e-wallet application]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 51-65.

## Pengenalan

Syarikat perniagaan telah mengalami revolusi yang pesat dari semasa ke semasa. Revolusi ini telah memberi kesan kepada pelbagai sektor, terutamanya sektor pengeluaran dan pengedaran produk. Revolusi ini dikenali sebagai revolusi industri 4.0. Menurut (Akmal Ariff Jamhari et al. 2020) revolusi industri 4.0 ini berteraskan rangkaian jalur lebar atau dikenali sebagai *Internet of Things (IoT)* iaitu segala-galanya menggunakan jalur lebar. Ia telah mengakibatkan penggunaan pengkomputeran dan internet dalam menganalisis maklumat serta Kepintaran Buatan (*Artificial Intelligence*) bagi membantu dalam sektor pengeluaran.

Pada abad ke-21 teknologi kewangan atau dikenali sebagai *Financial Technology (Fintech)* telah berkembang pesat dan ia telah memberi impak kepada kesemua jenis industri termasuklah industri kewangan dunia. Malah teknologi kewangan masa kini memfokuskan dalam penambahbaikan dan mengautomasikan penggunaan perkhidmatan kewangan menggunakan perisian serta algoritma khusus dalam komputeran dan telefon pintar.

Kesan daripada impak perkembangan teknologi kewangan telah membangkitkan pelbagai sistem digital yang diguna pakai oleh majoriti masyarakat pada masa kini. Teknologi yang muncul ini bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan, dalam masa yang sama ia turut memberi pelbagai manfaat kepada para pengguna. Namun sebagai pengguna yang beragama Islam, aspek-aspek yang berkaitan dengan hukum syariah atau dikatakan patuh syariah dalam teknologi tersebut, tidak boleh dipandang mudah.

Mutakhir ini terdapat suatu teknologi digital yang dikenali sebagai dompet elektronik (*e-wallet*). Ia mula mendapat perhatian masyarakat di Malaysia apabila terdapat syarikat yang memperkenalkan dompet elektronik seperti syarikat *Touch 'n Go eWallet* dan syarikat *ShopeePay*.

*Shopee* adalah syarikat teknologi antarabangsa Singapura yang memfokuskan terhadap e-dagang. Syarikat *Shopee* berada di bawah naungan syarikat Sea Group yang dikenali sebagai Garena sebelum ini. (Lee 2017). Pengasas syarikat ini adalah Mr. Xiaodong Li, syarikat ini berdaftar di dalam sektor servis komunikasi dan berada di dalam industri elektronik permainan dan multimedia.(Yahoo Finance 2021). Perkhidmatan aplikasi *e-wallet* Shopee pertama kali dilancarkan di Singapura pada tahun 2015, dan pada masa kini telah meliputi seluruh Asia Tenggara dan Asia Timur, dan terdapat juga beberapa negara di Amerika Latin (Econsultancy 2018). Aplikasi *e-wallet* Shopee juga menawarkan perkhidmatan *e-wallet* yang dinamakan sebagai *ShopeePay*. Ia juga telah didaftarkan sebagai penerbit *e-wallet* di Bank Negara Malaysia atas nama syarikat *ShopeePay Malaysia Sdn. Bhd.* (Bank Negara Malaysia 2021).

Manakala, aplikasi Touch 'n Go eWallet adalah ruang e-dagang, e-pembayaran dan juga *e-wallet* di Malaysia. Aplikasi *e-wallet* ini dicipta oleh syarikat TNG Digital Sdn Bhd iaitu kerjasama di antara Touch 'n Go Sdn Bhd dan Alibaba Group's Ant Financial Service Group.(Wong 2019). Menurut Malaysia Data (2021), syarikat TNG Digital Sdn Bhd ini ditubuhkan pada tahun 2017. Pengarah digital syarikat Touch 'n Go ketika ini adalah Effendy

Shahul Hamid.(Touch 'n Go eWallet 2021) . Menurut (Loh 2020), pegangan syarikat TNG Digital Sdn Bhd dipegang oleh Touch 'n Go Sdn Bhd sebanyak 51 peratus manakala Alibaba Group's Ant Financial Service Group memegang sebanyak 49 peratus. Touch 'n Go eWallet juga telah didaftarkan sebagai penerbit *e-wallet* di Bank Negara Malaysia atas nama syarikat TNG Digital Sdn. Bhd. (Bank Negara Malaysia 2021).

## Penyataan Masalah

Isu manfaat yang diberikan kepada pendeposit *e-wallet* oleh penerbit aplikasi, operasi yang dilaksanakan mempunyai kemiripan dengan operasi muamalat yang dilarang di sisi syarak dan berkemungkinan terlibat dengan muamalat riba.

Menurut pemerhatian turut serta (*participant observation*) yang dijalankan oleh pengkaji, perisian aplikasi Touch 'n Go eWallet dan Shopee memberikan manfaat kepada pendeposit *e-walletnya*. Manfaat yang diberikan berbentuk ganjaran tunai dan juga hadiah-hadiah. Manfaat yang diberikan ini merupakan salah satu mekanisme promosi oleh penerbit *e-wallet* kepada pendeposit *e-wallet* aplikasi mereka demi meraih jumlah pendeposit *e-wallet* yang menggunakan perkhidmatan mereka sebanyak mungkin.

Melalui pemerhatian turut serta (*participant observation*) ini juga mendapati manfaat yang diberikan terdapat dalam dua bentuk. Di antara bentuk manfaat tersebut adalah:

- i. Berbentuk wang elektronik yang boleh digunakan seperti wang sebenar.
- ii. Tidak berbentuk wang sebenar seperti mata ganjaran, baucar pembelian, baucar diskau, dan baucar percuma servis penghantaran.

Rentetan daripada itu, manfaat yang diberikan oleh penerbit aplikasi *e-wallet* ini mempunyai tiga situasi berikut:

- i. Manfaat diberikan ketika pendeposit *e-wallet* mendepositkan dana (wang) ke dalam akaun *e-wallet* mereka.
- ii. Manfaat yang diperolehi ketika membuat pembelian dalam aplikasi.
- iii. Manfaat yang diperolehi ketika membuka akaun aplikasi *e-wallet*.

Di antara ketiga-tiga situasi manfaat yang dinyatakan, terdapat hanya satu situasi yang terlibat dengan isu shariah iaitu di mana pendeposit *e-wallet* mendapat manfaat ketika mendepositkan dana ke dalam akaun *e-wallet* dan keterlibatan isu shariah demikian akan dibuktikan dalam kajian ini.

Menurut (Ibrahim Mustafaa et al. 2004; Muhammad `Amim 2003) riba dari sedut bahasa adalah tambahan. Manakala riba menurut istilah fiqh banyak takrifnya mengikut mazhab dan fuqaha akan tetapi tidak mempunyai banyak perbezaannya, pada dasarnya para jumhur fuqaha mengatakan riba merupakan tambahan pada salah satu dari dua barang yang sejenis yang ditukarkan tanpa ada imbalan terhadap imbalan tersebut.(`Abd al-Rahman al-Jaziri 2003). Jenis riba yang berkemungkinan terjadi pada operasi ini merupakan riba *qard*, kerana riba *qard* berlaku apabila sebarang kadar atau manfaat tambahan yang lebih daripada pinjaman

pokok dikenakan ke atas pinjaman tersebut dan dipersetujui semasa pinjaman dibuat, sama ada dikenakan oleh pemberi pinjam atau ditawarkan sendiri oleh peminjam.

Manakala dua jenis situasi yang seterusnya tidak terlibat dengan isu shariah kerana pada asasnya manfaat yang diberikan kepada pendeposit *e-wallet* perisian aplikasi *e-wallet* merupakan hibah dan *ju'alah* dan hukumnya adalah harus di sisi agama Islam.

Menurut fuqaha hibah merupakan pemberian hak milik kepada seseorang tanpa balasan (*iwad*) sewaktu hidupnya (Muhammad al-Zuhaili 2011). Dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* pula hibah merupakan satu kontrak perjanjian (kontrak) bertujuan kepada pemindahan hak milik tanpa sebarang gantian (*iwad*) ketika masih hidup dan ia dilakukan secara sukarela. (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji 1992).

Pada asasnya hibah adalah pemberian sesuatu yang bersifat fizikal atau sebaliknya, ia merangkumi sedekah dan juga hadiah. Ketiga-tiga ini mempunyai asas yang serupa, perbezaannya dari aspek tujuan pemberian itu, di mana sedekah ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan ia biasanya dari yang kaya kepada yang miskin. Manakala hadiah pula ialah pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubung kait dengan sesuatu perkara. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa setiap sedekah dan hadiah adalah hibah, tetapi bukan semua hibah adalah sedekah dan hadiah.(Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan 2021).

Pensyarat dalam hibah juga boleh berlaku dalam *sighah* yang berbentuk *taqyid* (kontrak yang tertakluk dengan syarat tertentu). Dalam konteks hibah, *taqyid* berlaku apabila penghibah meletakkan sesuatu syarat bersama-sama kontrak hibah bagi melaksanakan pemberiannya. Syarat-syarat tersebut kadang kala menepati konsep akad hibah (*muqtada al-hibah*) dan kadang kala tidak menepati konsep akad tersebut (Nasrul Hisyam, Ahmad & Norazila 2017). Pemberian hibah seperti ini dikategorikan sebagai hibah yang disertakan dengan syarat, iaitu *al-hibah al-muqtarinah bi shart* atau dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *gifts with conditions* dan asas hukumnya adalah harus dan dibolehkan. (Kamila Tyabji 1949).

Manakala manfaat yang berbentuk ganjaran pula, lebih tepat dikatakan sebagai *ju'alah*. *Ju'alah* menurut (Wahbah al-Zuhayli 1997; Muhammad al-Shirbini 1997) merupakan kesepakatan memberikan imbalan atas sesuatu pekerjaan tertentu atau pekerjaan yang belum pasti bisa dilaksanakan. Menurut (Sabiq al-Sayyid 1998) pula *ju'alah* merupakan akad atas sesuatu manfaat yang diperkirakan akan mendapatkan imbalan sebagaimana yang dijanjikan atas sesuatu pekerjaan. Dari pelbagai definisi yang di atas, ertinya adalah serupa, perbezaan definisi tersebut hanyalah pada sifat lafaznya

Kajian ini akan menganalisis terhadap status manfaat yang diberikan kepada pendeposit *e-wallet* oleh penerbit *e-wallet*, kajian ini juga tidak menolak sebarang kebarangkalian terdapatnya operasi manfaat yang mempunyai kemiripan terhadap muamalat yang dilarang di sisi syarak seperti muamalat riba qard.

Rentetan daripada itu, bagi menentukan operasi manfaat yang ditawarkan oleh penerbit *e-wallet* samaada terlibat dengan masalah ribawi atau tidak, kajian ini harus menganalisis operasi perisian aplikasi *e-wallet* dari segi pemberian manfaat, malah mengkaji juga kontrak yang diguna pakai ketika pendeposit *e-wallet* mendepositkan dana ke dalam akaun *e-wallet* menurut perspektif Islam kerana kontrak yang diguna pakai mempengaruhi status manfaat di sisi syarak.

## Objektif

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengkaji operasi manfaat yang ditawarkan dalam perisian aplikasi *e-wallet*
- ii. Menganalisis kontrak mendepositkan dana oleh pendeposit *e-wallet* ke dalam akaun *e-wallet* menurut perspektif Islam
- iii. Menganalisis manfaat dalam perisian aplikasi *e-wallet* menurut perspektif Islam

## Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang membincangkan isu manfaat yang diberikan oleh penerbit *e-wallet* yang merangkumi manfaat berbentuk tunai mahupun bukan tunai dan perkara ini akan dianalisis menurut perspektif fiqh dan diambil kira juga pandangan ulama lama dan ulama-ulama kontemporari. Kajian ini juga mengambil dua jenis perisian aplikasi *e-wallet* yang berbeza sebagai sampel kajian iaitu perisian aplikasi *e-wallet* Shopee dan juga Touch ‘n Go eWallet.

Kajian ini menggunakan kaedah kajian pemerhatian turut serta dan juga analisis kandungan bagi mencapai objektif-objektif yang dibina. Kaedah kajian pemerhatian turut serta digunakan bagi mendapat data-data serta gambaran penuh terhadap operasi aplikasi *e-wallet* dari segi penawaran manfaat kepada pendeposit *e-wallet* tanpa tercicir. Kajian ini melakukan pemerhatian turut serta dengan mendaftar diri sebagai pengguna aplikasi *e-wallet* lalu memasukkan sejumlah dana RM10 ke dalam dua-dua aplikasi *e-wallet* tersebut iaitu *e-wallet* Shopee dan juga Touch ‘n Go eWallet, lalu pengkaji melakukan pembelian dan dalam masa yang sama pengkaji merekod kesemua manfaat dan kelebihan-kelebihan yang ditawarkan oleh penerbit aplikasi kepada pengguna.

Manakala kaedah kajian analisis kandungan pula digunakan supaya kajian ini dapat menilai dan menganalisis dengan teliti terhadap keberadaan muamalah yang dilarang di sisi syarak. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan melihat kesemua dokumen-dokumen berkaitan dengan sistem *e-wallet* dan melihat juga kitab-kitab turath serta pandangan-pandangan ahli fiqh kontemporari dalam membincangkan hal-hal berkaitan hukum manfaat yang ditawarkan tersebut.

## Electronic Wallet

Aplikasi yang dimaksudkan adalah merujuk kepada program aplikasi atau perisian aplikasi di dalam komputer dan telefon pintar yang menjalankan tugas-tugas tertentu kepada pendeposit *e-wallet*. Daripada kajian (Abhay Upadhyaya 2012) dan (Lerner 2013), dompet elektronik (*e-wallet*) dikenali sebagai dompet telefon bimbit atau *mobile wallet* (*m-wallet*). Dompet elektronik ini juga disebut dengan nama lain seperti wang mudah alih, pemindahan wang mudah alih, dan pembayaran mudah alih, umumnya ia mewakili perkhidmatan pembayaran yang dikendalikan berdasarkan peraturan kewangan dan dilakukan melalui peranti mudah alih.

Dengan kata lain, pemindahan wang mudah alih merujuk kepada kaedah pertukaran wang yang menggunakan kemudahan peranti yang mematuhi dasar undang-undang yang ditentukan. Dengan perkhidmatan ini, seseorang mungkin tidak mahu menggunakan kaedah pembayaran terus seperti wang tunai, cek, kad debit atau kad kredit. Sebaliknya, ingin menggunakan kaedah transaksi digital melalui telefon bimbit melalui aplikasi yang berkaitan.(Poonam Painuly & Shalu Rathi 2016).

Dompet digital yang dikenali sebagai dompet elektronik merujuk kepada peranti elektronik yang membolehkan seorang individu mengisi dana pada suatu aplikasi digital dan juga membolehkan individu tersebut membuat sesuatu transaksi secara digital. Ini termasuk menggunakan fasiliti komputer atau menggunakan telefon pintar atau tablet untuk membeli sesuatu barang sama ada di pasaraya alam maya atau pasaraya nyata dan ia juga dapat digunakan sebagai platform pembayaran bil bahkan ia juga dapat digunakan dalam memberi sumbangan kepada badan-badan kebajikan dan lain-lain lagi. (Adlin, Hanum & Akhtarzaite 2019; Institut Kefahaman Islam Malaysia 2019; Lusia Tria & Epsilandri 2019; Mohammad Salah Uddin et al. 2014; Faisal Nizam, et al. 2019; Nor Azlina, Khalida Shajaratuddur & Yusnita 2013; Kowang et al. 2020).

Selain itu, ia juga boleh didefinisikan sebagai sistem yang menyimpan maklumat dan kata laluan bagi pelbagai kaedah pembayaran oleh pendeposit *e-wallet* (Raja, Senthil & Seetharaman 2008). Manakala ia juga merujuk kepada sistem pembayaran berdasarkan elektronik dan internet yang menyimpan maklumat berkaitan identiti peribadi dan kewangan. (Md Wasiul Karim et al. 2020; Cheng Shu Wen et al. 2018).

Menurut (Md Wasiul Karim et al. 2020) ia merupakan salah satu teknologi melalui telefon pintar untuk membolehkan pendeposit *e-wallet* melakukan transaksi pembayaran yang selamat dan terjamin. Manakala (Sahut 2008) menjelaskan dompet elektronik adalah sesuatu instrumen kepada wang elektronik, ia adalah kad pintar dengan micro-pemproses yang mana data yang dikreditkan itu mempunyai nilai (e-money) yang sebelumnya telah didepositkan ke dalam akaun alam maya.

Di samping itu, teknologi ini membolehkan seseorang membuat transaksi secara elektronik dengan pengalaman pembayaran yang lebih baik berbanding perbankan internet dengan memasukkan semua bukti pembayaran setiap kali pembelian dibuat. Tambahan lagi, ia juga dapat berfungsi dengan baik sama ada transaksi dalam talian mahupun transaksi nyata di mana pembeli dan peniaga biasanya akan mengimbas sama ada kod bar atau kod QR untuk bertransaksi. (Kayalvily Tabianan, Siti Qalillah Adawiah & Deshinta Arrova Dewi 2019; Adlin, Hanum & Akhtarzaite 2019; Nor Azlina, Khalida Shajaratuddur & Yusnita 2013). Malah ia juga dapat berfungsi dengan berkomunikasi dengan terminal melalui teknologi NFC (Near Field Communication). (Nor Azlina, Khalida Shajaratuddur & Yusnita 2013)

Akaun bank individu juga boleh dihubungkan ke dompet digital. (Kayalvily Tabianan, Siti Qalillah Adawiah & Deshinta Arrova Dewi 2019). Sistem ini juga boleh beroperasi menggunakan kad kredit, kad debit, kad pintar, malah beroperasi sebagai alat pemindahan wang atau operasi yang serupa dengannya. (Asmadi et al. 2019; Kayalvily Tabianan, Siti Qalillah Adawiah & Dewi 2019).

Seterusnya, teknologi ini juga dapat dikatakan berfungsi sama seperti bank kerana *e-wallet* ini boleh menyimpan wang digital (e-money), malah *e-wallet* ini juga dapat menyerupai

dengan dompet fizikal akan tetapi perbezaannya hanya sifat kewujudannya dalam keadaan digital sahaja (Adlin, Hanum & Akhtarzaite 2019; Azrul Azlan 2019; Faisal Nizam, et. al 2019).

Berdasarkan beberapa kajian yang lepas berkaitan definisi *e-wallet*, dapat disimpulkan satu definisi yang mudah difahami dan merangkumi keseluruhan sistem *e-wallet*. Ia adalah sesuatu teknologi akaun digital yang diselia oleh sebuah syarikat dan membolehkan individu menyimpan dan bertransaksi wang elektronik mengikut perkembangan teknologi semasa.

Ia berbeza dengan perisian aplikasi perbankan elektronik (e-perbankan), di mana aplikasi perbankan elektronik adalah aplikasi yang diselia dan dibina oleh bank itu sendiri, yang menghubungkan pengguna dengan akaun bank sendiri. Manakala *e-wallet* beroperasi di bawah syarikat-syarikat berlesen e-money yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan ia merupakan akaun yang berasingan daripada akaun bank pengguna.

Kaedah mendepositkan wang ke dalam akaun *e-wallet*, dan kaedah bertransaksi antara pendeposit *e-wallet*, adalah bergantung kepada peraturan yang ditetapkan oleh penerbit sesuatu perisian aplikasi tersebut dan juga perkembangan teknologi kewangan (*financial technology*) ketika itu.

## **Kontrak Mendepositkan Dana ke dalam Akaun E-Wallet**

*E-wallet* merupakan dompet elektronik yang mengelola e-money yang berlandaskan mata wang sebenar mengikut matawang sesebuah negara seperti Ringgit Malaysia, atau Rupiah Indonesia atau lain-lain lagi.

Terdapat kajian-kajian lepas yang menyentuh secara langsung kontrak penggunaan e-money. Sebagai contoh, Kajian yang dijalankan oleh Aris Rusdiyanto (2017) dari Indonesia, beliau cenderung dalam menyatakan kontrak yang diguna pakai dalam produk-produk e-money bank shariah persendirian merupakan kontrak *bay' al-Sarf* kerana kemiripan sistem ini dengan jual beli mata wang. Namun kajian ini pula berpandangan kontrak e-money di Malaysia tidak sesuai dikatakan sebagai kontrak *bay' al-Sarf*. Ini kerana penggunaan kontrak jual beli matawang lebih tepat digunakan dalam pembelian matawang berlainan jenis, seperti pembelian mata wang Rupiah Indonesia menggunakan mata wang ringgit Malaysia, walhal dalam operasi pendepositan wang dalam akaun *e-wallet* ia merupakan mata wang sama jenis, seperti mata wang Ringgit Malaysia dengan mata wang Ringgit Malaysia. Selain itu, operasi pendepositan dana ke dalam akaun *e-wallet* juga tidak bersifat pembelian mata wang kerana menurut BNM penerbit *e-wallet* tidak boleh menggunakan dana pendeposit *e-wallet* sewenang-wenangnya, ia hanya boleh digunakan untuk memberi pulangan kepada pendeposit *e-wallet* dan juga membuat pembayaran kepada perniaga, dan ia harus diletakkan ke dalam satu akaun berasingan di bawah Institusi Kewangan Malaysia yang berdaftar, walhal jika ia dikatakan kontrak jual beli mata wang, maka pada asasnya penerbit *e-wallet* tidak perlu terikat dengan sebarang peraturan tertentu, kerana barang yang telah dibeli merupakan hak pembeli untuk membuat apa juar tindakan yang mematuhi syarak terhadap barang yang dibeli tersebut.

Manakala menurut fatwa Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) (2017) yakni Fatwa DSN NO: 116/DSN-MUI/IX/2017 secara langsung menyentuh terhadap kontrak dengan menyatakan penggunaan e-money menurut Islam sama ada kontrak *wadi'ah* ataupun kontrak *qard* kerana dana itu boleh digunakan atau ditarik bila-bila masa

sahaja. Walau bagaimanapun, kajian ini berpandangan tidak sesuai disamakan kontrak penggunaan e-money dengan prinsip *wadi'ah* yang terdapat dalam fiqh atas beberapa alasan. Antaranya, penerbit e-money tersebut dapat menggunakan dana tersebut seperti melakukan pelaburan dan ia agak mustahil bagi penerbit e-money membukukan dana tersebut dan tidak menggunakannya

Seterusnya, kajian ini juga melihat terus secara langsung kajian-kajian lepas yang menyentuh terhadap kontrak yang diguna pakai pada sistem *e-wallet*. Menurut (The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC) 2020), aplikasi *e-wallet* ini menggunakan dua kontrak iaitu kontrak *wakalah* dan juga kontrak *qard*. Kontrak wakalah terjadi apabila pendeposit *e-wallet* membuat pesanan pembelian atau penjualan, maka pada situasi tersebut ia dikira sebagai kontrak wakalah, iaitu mewakilkan penerbit *e-wallet* dalam bertransaksi manakala kontrak *qard* pula berlaku ketika pendeposit *e-wallet* memasukkan wang ke dalam akaun *e-wallet*.

Menurut (Azrul Azlan 2019) menyatakan kontrak yang digunakan di dalam perisian aplikasi *e-wallet* ini merupakan bukan kontrak *qard*, manakala menurut kajian daripada (Adlin, Hanum & Akhtarzaite 2019) pula, kontrak yang digunakan adalah kontrak *wadi'ah* dan tidak menggunakan kontrak *qard*. Kedua-dua kajian ini menyatakan bahawa pihak penerbit *e-wallet* tidak boleh menggunakan dana yang dicarum oleh pendeposit *e-wallet* kerana merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dana tersebut tidak boleh dilaburkan, dan oleh kerana itulah mereka berpandangan kontrak yang digunakan bukanlah kontrak *qard*. Akan tetapi pengkaji mendapati daripada garis panduan yang dikeluarkan itu, penerbit *e-wallet* boleh menggunakan dana-dana tersebut selepas berlakunya lebihan liabiliti. (Payment Systems Policy Department 2021).

Konsep *qard* daripada mazhab Shafie adalah memiliki sesuatu dengan janji mengembalikan yang sama. Menurut mazhab Hanbali pula adalah menyerahkan sesuatu harta kepada seseorang yang dapat memanfaatkannya dengan mengembalikannya. Manakala menurut mazhab Maliki pula, seseorang menyerahkan sesuatu yang mempunyai nilai harta kepada orang lain dan hendaklah gantinya tidak berbeza dengan apa yang diserahkan.(’Abd al-Rahman al-Jaziri 2003).

Justeru itu, kajian ini berpandangan kontrak yang digunakan menurut Islam dalam operasi mendepositkan dana ke dalam akaun *e-wallet* merupakan kontrak *qard* sama dengan pandangan daripada (The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC)) oleh kerana konsep operasi pendepositan dana ke dalam akaun tersebut mempunyai kesamaan dengan konsep kontrak *qard* yang disimpulkan oleh ahli fiqh lama, dengan maklumnya penerbit *e-wallet* ini bertanggungjawab untuk menguruskan dana yang diterima daripada pendeposit *e-wallet* secara berhemah yakni penerbit *e-wallet* akan mengembalikan wang tersebut jika dituntut kembali dan akan menggantikan dengan yang serupa jika ia rosak atau hilang, dan dengan maklumnya juga penerbit *e-wallet* dibenarkan untuk melaburkan dana tersebut dan mengambil keuntungan daripada pelaburan tersebut.

## Manfaat dalam Operasi Perisian Aplikasi *E-Wallet* menurut Perspektif Islam

Kajian ini menganalisis isu di mana penerbit *e-wallet* memberi manfaat kepada pendeposit *e-wallet* ketika situasi mendepositkan dana ke dalam akaun sama ada ia berbentuk wang maupun tidak berbentuk wang menurut Islam. Oleh kerana deposit pelanggan dalam *e-wallet* ditarikhkan sebagai qard, maka setiap manfaat yang lahir dari qard adalah riba.

Rentetan daripada itu, kajian ini berpandangan manfaat yang didapati ketika operasi mendepositkan dana ke dalam akaun *e-wallet* adalah haram kerana terdapatnya unsur kontrak *qard jarra naf'an* bedasarkan pertimbangan tersebut:

- i. Kemiripan operasi manfaat yang ditawarkan dengan konsep kontrak ribawi
- ii. Manfaat tersebut disasarkan ke atas amaun yang dimasukkan ke dalam akaun *e-wallet*.
- iii. Terdapatnya keberkaitan antara dana yang diletakkan oleh pendeposit *e-wallet* dengan manfaat yang diberikan oleh penerbit *e-wallet*.
- iv. Garis Panduan yang dikeluarkan oleh BNM menyatakan pihak penerbit e-money boleh mendapat faedah daripada hasil memasukkan dana pendeposit *e-wallet* ke dalam akaun amanah atau akaun deposit tersebut dalam keadaan tertentu.
- v. Kontrak di antara pendeposit *e-wallet* dengan penerbit *e-wallet* ketika mendepositkan dana adalah kontrak *qard*.

Pertama, kajian ini mendapati di antara operasi mendeposit dana ke dalam akaun *e-wallet* dengan operasi pemberian manfaat oleh penerbit *e-wallet* kepada pendeposit *e-wallet* mempunyai kemiripan operasi dengan kontrak *qard jarra nafian*.

Riba *qard* adalah sesuatu lebihan atau manfaat atau faedah terhadap hutang asal (pokok) yang disyaratkan semasa perjanjian hutang tersebut berlaku dan bedar dalil-dalil dibawah para fuqaha berijmak dalam melarang *qard jarra naf'an*.

Daripada riwayat Ibnu al-Mulaqqin, Rasulullah s.a.w bersabda:

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كُلُّ قَرْضٍ جَرَرْ مَنْفَعَةً فَهُوَ رِبَّاً (رواه ابن الملقن)

Maksudnya: Daripada Ali bin Abi Thalib daripada Sabda Rasulullah s.a.w: setiap hutang yang mendatangkan manfaat keuntungan (kepada pembiutang) maka ia adalah riba. (Riwayat Ibn al-Mulaqqin 1989M 78:1558)

Selain itu terdapat juga larangan terhadap menyamakan jual beli dengan hutang bedasarkan Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَحُلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ وَلَا رَبْعٌ  
مَا لَمْ يَضْمَنْ وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عَنْكَ (رواه الحاكم)

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar daripada Sabda Rasulullah s.a.w: tidak boleh ada piutang bersamaan dengan jual beli (mencari keuntungan) dan

tidak pula dua syarat dalam satu jual beli dan tidak halal terhadap barang yang tidak dapat dijamin (baik buruknya) serta tidak halal menjual apa yang tidak kamu miliki. (Riwayat al-Hakim 1995M 21: 2185).

Lanjutan daripada itu, terdapat juga hadis lain Sabda Rasulullah s.a.w:

عن عبد الله بن عمرو: نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن سلفٍ وبيعٍ (رواوه الأبانى)

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar: Rasulullah s.a.w melarang adanya piutang dan jual beli bersamaan dalam satu kontrak. (Riwayat Albani 1988M 201: 4629).

Menurut pandangan mazhab Shafie salah satu syarat yang dikenakan dalam kontrak *qard* adalah dengan tidak boleh menarik manfaat bagi orang yang memberi pinjaman dan keadaan seperti ini jika berlaku maka ia dikategorikan sebagai kontrak yang fasid dan merosakkan kontrak. Manakala melihat kepada pendapat mazhab Maliki menyatakan kontrak *qard* tidak boleh dan haram kepada pembiutang menerima hadiah dari penghutang kecuali apabila hal seperti berikut sudah berlaku di masyarakat sebelumnya atau kerana ada hal yang baru yang menghendaki memberi hadiah seperti hubungan kekeluargaan dan semaksudnya. Malah menurut mazhab Hanbali juga mengatakan dalam kontrak *qard* tidak boleh ditetapkan sesuatu syarat yang menarik manfaat (memberi keuntungan) bagi pembiutang. Sebagai contoh pembiutang mensyaratkan kepada penghutang agar ia boleh menetap di rumah penghutang secara percuma atau dengan sewaan yang murah, atau penghutang mahu mengembalikan barang pinjamannya dengan jauh lebih baik dari apa yang penghutang terima atau penghutang memberi hadiah kepada pembiutang, dan sebagainya. ('Abd al-Rahman al-Jaziri 2003).

Berdasarkan dalil di atas, dapat diketahui bahawa setiap kontrak hutang itu terikat dengan prinsip kontrak ribawi. Jelas Rasulullah s.a.w telah melarang tegas terhadap operasi kontrak yang mempunyai lebih faedah atau kelebihan.

Melihat kepada pemerhatian yang dijalankan, aplikasi *Touch 'n Go e-Wallet* meletakkan syarat minimum dana RM50 untuk mendapatkan manfaat baucar pulangan semula sebanyak RM3 dan kempen ini bermula pada 7 Disember 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021.

Justeru, dapat dirumuskan operasi penerimaan manfaat atau kelebihan ketika pendepositan berlaku adalah satu kontrak hutang yang mempunyai lebih faedah terhadap modal asal dan menyerupai dengan konsep riba *qard* yang dibincangkan di atas.

Kedua, kajian ini mendapati manfaat yang diberikan oleh penerbit *e-wallet* kepada pendeposit *e-wallet* disasarkan ke atas amaun yang dimasukkan ke dalam akaun *e-wallet*. Namun menurut pandangan *The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC)* manfaat yang diberikan kepada pendeposit *e-wallet* oleh pengeluar yang diluluskan bukanlah manfaat kepada amaun dana yang diletakkan oleh pendeposit *e-wallet*, sebaliknya ia bertujuan sebagai strategi pemasaran bagi memperluaskan lagi penyertaan pelanggan. Oleh kerana pandangan ini berkaitan dengan niat, kajian ini melihat konsep niat menurut Islam, berdasarkan hadis Nabi Muhammad s.a.w bersabda:

عن عمر بن الخطاب عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إنما الأ أعمال بالنيات، وإنما لكت أمرىء ما نوى  
 فمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِمْرَأٌ  
 يَنْكُحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ (رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: Daripada Umar ibnu al-Khattab, daripada Nabi Muhammad s.a.w sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya". (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Setiap amalan iaitu perbuatan mahupun percakapan adalah melambangkan niat atau tujuan seseorang, dan jika sesuatu amalan kerana Allah s.w.t dan Rasul s.a.w maka amalan tersebut kerana Allah s.w.t dan Rasul s.a.w, dan jika amalan itu kerana dunia maka dunialah dia dapat. Dengan erti kata lain sesuatu niat adalah berdasarkan perbuatannya dan jika perbuatan tersebut bertentangan dengan syarak dengan niat yang baik sekalipun ia tidak dapat menghalalkan perbuatannya.

Melalui pemerhatian turut serta (*participant observation*) yang dijalankan oleh pengkaji mendapati *e-wallet* Touch ‘n Go eWallet meletakkan syarat minimum dana RM50 untuk mendapatkan manfaat baucar pulangan semula sebanyak RM3 dan kempen ini bermula pada 7 Disember 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021. Ini menggambarkan ia disasarkan kepada jumlah dana yang diletakkan, jika ia tidak disasarkan kepada jumlah yang diletakkan maka penerbit *e-wallet* akan memberi manfaat kepada semua yang mendepositkan dana dan tidak meletakkan sebarang syarat. Maka dapat dikatakan objektif sebenar penerbit *e-wallet* ini adalah memperluaskan penyertaan pendeposit *e-wallet* dengan cara memberi manfaat dan manfaat tersebut disasarkan ke atas amaun yang dimasukkan ke dalam akaun *e-wallet*.

Ketiga, kajian ini mendapati terdapatnya keberkaitan antara dana yang diletakkan oleh pendeposit *e-wallet* dengan manfaat yang diberikan oleh penerbit *e-wallet*. Manakala, pandangan *The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC)* mengatakan ia tidak mempunyai keberkaitan antara dana yang diletakkan oleh pendeposit *e-wallet* dengan manfaat yang diberikan oleh penerbit *e-wallet*.

Menurut pemerhatian turut serta (*participant observation*) yang dijalankan oleh pengkaji mendapati Touch ‘n Go eWallet terdapatnya manfaat yang akan diberikan kepada pendeposit *e-wallet* sebanyak RM3 dengan syarat pendeposit *e-wallet* mendepositkan dana sekurang-kurangnya RM50, dan terdapatnya juga di dalam perisian aplikasi Shopee yang memberi manfaat perkhidmatan penghantaran secara percuma dengan syarat pendeposit *e-wallet* membuat pembelian dengan menggunakan *e-wallet*nya. Pekara ini membuktikan terdapatnya keberkaitan antara dana yang diletakkan oleh pendeposit *e-wallet* dengan manfaat yang diberikan oleh pengeluar yang diluluskan.

Keempat, kajian ini juga mendapati penerbit *e-wallet* boleh mendapat faedah daripada hasil memasukkan dana pendeposit *e-wallet* ke dalam akaun amanah atau akaun deposit tersebut dalam keadaan tertentu menurut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh BNM. Namun *The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC)* menyatakan peruntukan Garis

Panduan secara jelas tidak membenarkan bagi pengeluar yang diluluskan untuk mengeluarkan e-money dengan nilai yang lebih besar daripada nilai yang diterima. Namun menurut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh BNM itu juga pihak penerbit *e-wallet* tetap boleh mendapat faedah daripada hasil memasukkan dana pendeposit *e-wallet* ke dalam akaun amanah atau akaun deposit tersebut dalam keadaan tertentu.

Pekara ini dapat dibuktikan daripada panduan penerbit e-money yang dikeluarkan oleh (Payment Systems Policy Department 2021) terdapatnya skim kecil dan skim besar, bagi skim kecil pihak yang menyelia akaun tersebut harus mendepositkan dana yang dikutip ke dalam akaun deposit sebagai pertukaran e-money yang dikeluarkan dan sebarang hasil yang diperoleh daripada dana dalam akaun deposit tersebut boleh digunakan hanya untuk bayaran balik kepada pendeposit *e-wallet* dan bayaran kepada peniaga melainkan dana tersebut melebihi jumlah liabiliti e-money. Skim besar pula adalah pihak yang menyelia akaun tersebut harus mendepositkan dana yang dikutip ke dalam akaun amanah sebagai pertukaran e-money yang dikeluarkan dan sebarang hasil yang diperoleh daripada dana dalam akaun amanah tersebut boleh digunakan hanya untuk bayaran balik kepada pendeposit *e-wallet* dan bayaran kepada peniaga melainkan dana tersebut melebihi jumlah tunggakan liabiliti e-money.

Kelima, kajian ini mendapati kontrak di antara pendeposit *e-wallet* dengan penerbit *e-wallet* ketika mendepositkan dana adalah kontrak *qard* seperti yang dibincangkan sebelum ini. Adapun kontrak *qard* dalam pendeposit *e-wallet* bersifat sampingan sahaja menurut *The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC)*, dan berbeza dengan kontrak *qard* dalam akaun deposit yang ditawarkan oleh institusi perbankan ia tidak membawa kepada gugurnya hukum hakam yang berkaitan dengan kontrak *qard* itu sendiri kerana tiada dalil yang dapat mengatakan akan gugur hukum hakam yang berkaitan dengan sesuatu kontrak jika ia merupakan kontrak yang bersifat sampingan.

Justeru, dapat disimpulkan operasi pemberian manfaat dalam situasi pendeposit *e-wallet* mendepositkan dana ke dalam akaun *e-wallet* merupakan kontrak *qard jarra naf'an* yang dilarang oleh Allah s.w.t berdasarkan perbincangan sebelum ini.

## Kesimpulan

Operasi deposit dalam perisian aplikasi *e-wallet* seharusnya diberi perhatian berkaitan hukum yang wajar dari pihak berwajib. Kekurangan kajian untuk memahami sistem operasi dalam *e-wallet* ini juga menyebabkan kesukaran mengenal pasti isu-isu Shariah. Justeru keperluan terhadap pihak berwajib serta umat Islam khususnya harus memastikan setiap teknologi muamalat yang muncul menepati syariat Islam. Seperti mana diketahui bahawa objektif penentuan kontrak muamalat yang menepati syariat Islam bagi sesbuah industri adalah bergantung kepada operasi pelaksanaan dari dapatan kajian yang dihasilkan melalui kajian pemerhatian turut serta dan juga kajian analisis kandungan yang dijalankan sepanjang kajian. Dari kajian ini dapatan menunjukkan betapa pentingnya kejelasan operasi sesuatu teknologi tersebut. Ini kerana ia dapat mempengaruhi kontrak yang diguna pakai serta keabsahan sesuatu kontrak tersebut di sisi muamalah Islam. Dapatan menunjukkan bahawa terdapatnya isu kontrak ribawi dalam keadaan pendeposit *e-wallet* memperolehi manfaat di dalam situasi di mana ia diberikan ketika pendeposit *e-wallet* disyaratkan mendepositkan dana.

## Rujukan

- Abhay Upadhyaya. 2012. Electronic commerce and e-wallet. *International Journal of Recent Research and Review*. 1 (March):37–41.
- Adlin Zulkifli, Hanum Rusmad & Akhtarzaite Abd Aziz. 2019. Application of e-wallet: a preliminary analysis from the shariah perspective. *IIUM Press of International Islamic University Malaysia (IIUM)*. 3(2):98–105.
- Akmal Ariff Jamhari, Siti Hajar Abd Razak, Nur Anis Karim Mohamad & Mohamad Izzuan Mohd Ishar. 2020. Persediaan rakyat malaysia dalam merealisasikan matlamat revolusi industri 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(10):75–85
- Aris Rusdiyanto. 2017. Tinjauan prinsip syariah terhadap produk e-money bank syariah mandiri. Tesis Dr. Fal, Fakultas Ekonomi Dan Bisnis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Asmadi Mohamed Naim, Azrul Azlan Iskandar Mirza, Abdul Rahman A. Shukor, Mohd. Zakhiri Md. Noor, Nurul Aini Muhamed, Azuan Ahmad & Shahrul Ridhwan S. Ali. 2019. Muzakarah ahli majlis penasihat syariah institusi kewangan Islam di Malaysia kali ke 15. Dlm. *Kajian Awal Penggunaan E-Wallet (e-Dompet) Mengikut Perspektif Syarak*, Malaysia.
- Azrul Azlan Iskandar Mirza. 2019. *E-wallet patuh syariah?* Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/587707/e-wallet-patuh-syariah>.
- Bank Negara Malaysia. 2021. *List of Non-Bank E-Money Issuers*.
- Cheng Shu Wen, Cheong Meica, Lee Jye Lyn, Lim Jia Ta & Mok Wuai Kei. 2018. Curbs on modern technology: barriers of resistance towards e-wallet in Malaysia. Disertasi Dr. Fal, Business and Finance, Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia. 2017. Fatwa DSN NO: 116/DSN-MUI/IX/2017 Uang Elektronik Syariah.
- Econsultancy. 2018. *Shopee: localizing ecommerce in southeast asia and taiwan*. <https://econsultancy.com/reports/shopee-localizing-ecommerce-in-southeast-asia-and-taiwan/>.
- Faisal N., Ha, J. H. & Valaei, N. 2019. Measuring the Effectiveness of E-Wallet in Malaysia. Dlm. Lee, R. (pnyt.) *Big Data, Cloud Computing, Data Science & Engineering*. hlm. 59-69. Cham: Springer International Publishing.
- Ihsan al-‘, Muhammad `Amim. 2003. *Al-Ta’rifat Al-Fiqhia*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. 2019. Some sharia considerations concerning e-wallet. [ikim.gov.my/index.php/2019/08/22/some-sharia-considerations-concerning-e-wallet/%0AIn](http://ikim.gov.my/index.php/2019/08/22/some-sharia-considerations-concerning-e-wallet/%0AIn).
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. 2021. Hibah. [kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/component/content/article/21joomla/component/210-hibah?Itemid=951](http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/component/content/article/21joomla/component/210-hibah?Itemid=951).
- Jaziri al-, ’Abd al-Rahman. 2003. *Al-Fiqh ’ala Al-Madhahib Al- ’Arba ’a*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Kamila Tyabji. 1949. *Limited Interests in Muhammadan Law*. London: Stevens & Sons Limited.

- Kayalvily Tabianan, Siti Qalillah Adawiah Abdul Rahman & Deshinta Arrova Dewi. 2019. QR-code based e-wallet system using android platform. *INTI Journal*. 2019(29):1-6.
- Khin al-, Mustafa., al-Bugha, Mustafa & al-Syarbaji, Ali. 1992. *Al-Fiqh Al-Manhaji 'ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. Syria: Dar al-Qalam.
- Lee, Yoolim. 2017. Garena rebrands as sea after raising \$550 million in new funding. Bloomberg. <https://www.bloomberg.com/news/articles/2017-05-08/garena-rebrands-as-sea-after-raising-550-million-in-new-funding>.
- Lerner, Thomas. 2013. *Mobile Payment*. Wiesbaden: Springer Vieweg.
- Loh, Mandy. 2020. MCO: cimb says touch 'n go ewallet continues to see healthy volumes for essential services, online-based transactions. *The Edge Markets*. <https://www.theedgemarkets.com/article/touch-n-go-digital-sees-more-cashless-payments-postcovid-19>.
- Lusia Tria Hatmanti Hutami & Epsilandri Septyarini. 2019. Intensi penggunaan electronic wallet generasi millenial pada tiga startup “unicorn” Indonesia berdasarkan modifikasi tam. *Jurnal Manajemen*. 8 (2):136–45.
- Md Wasiul Karim, Ahasanul Haque, Mohammad Arijeh Ulfy, Md Alamgir Hossain & Md Zohurul Anis. 2020. Factors influencing the use of e-wallet as a payment method among malaysian young adults. *Article in International Journal of Business and Management*. 3(2):01-12.
- Mohammad Salah Uddin & Afroza Yesmin Akhi. 2014. E-wallet system for Bangladesh an electronic payment system. *International Journal of Modeling and Optimization*. 4(3):216–19.
- Mustafaa, Ibrahim., al-Zayaat, Ahmad.,al-Qadir, Hamid Abd. & an-Najar, Muhamad. 2004. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Egypt: Maktabah al-Syuruk al-Dauliah.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaacob & Norazila Mat Hussain. 2017. Konsep hibah bersyarat dan aplikasinya dalam perangcangan harta. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies - UMRAN*. 4(3-1):31-41.
- Nor Azlina Abd Rahman, Khalida Shajaratuddur Harun & Yusnita Yusof. 2013. SMS banking transaction as an alternative for information, transfer and payment at merchant shops in malaysia. *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)*. Mac (2013):1-6.
- Payment Systems Policy Department. 2021. *Guideline on Electronic Money (E- Money)*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/57659/gl\\_016\\_3.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/57659/gl_016_3.pdf).
- Poonam Painuly & Shalu Rathi. 2016. Mobile wallet: an upcoming mode of business transactions. *International Journal in Management and Social Science (IJMSS)*. 04 (05):356–363.
- Raja, J., Senthil, V. M. & Seetharaman, A. 2008. E-payments: problems and prospects. *The Journal of Internet Banking and Commerce (JIBC)*. 13 (1):1–17.
- Sabiq, al-Sayyid. 1998. *Fiqh Al-Sunnah*. al-Qahirah: Maktabah Dar al-Turath.
- Sahut, J. 2008. The adoption and diffusion of electronic wallets: the case of monéo. *Journal of Internet Banking and Commerce*. 13(1):1-10.
- Shirbini al-, Muhammad. 1997. *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaż Al-Minhaj*. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.

Tan Owee Kowang, Fatinsyakila Abdul Aziz, Ong Choon Hei, Goh Chin Fei, Lim Kim Yew, Mohd Saiful Izwaan Saadon & Choi Sang Long. 2020. E-wallet acceptance among undergraduates in malaysian. *Test Engineering and Management*. 83(2020): 12990-12998.

The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC). 2020. SAC 201st meeting and 26th special meeting. Dlm. *Ruling on E-Money as a Shariah Compliant Payment Instrument SAC's 201st Meeting and 26th Special Meeting on 29 and 30 January 2020*, Malaysia.

Touch 'n Go eWallet. 2021. Board of directors. <https://www.touchngo.com.my/board-of-directors/effendy-shahul-hamid>.

Wong, Alexander. 2019. TNG digital hires former firefly ceo to accelerate ewallet growth. <https://soyacincau.com/2019/08/05/touch-n-go-digital-new-ceo/>.

Yahoo Finance. 2021. Sea limited. <https://finance.yahoo.com/quote/SE/profile?p=SE>.

al-Zuhayli, Muhammad. 2011. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Syria: Dar al-Qalam.

al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuhu*. Bayrut: Dar al-Fikr.